

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kementerian menjalinkan kerjasama perkongsian data antara wilayah khususnya di Selangor dalam menangani gelombang ketiga semasa sepertimana yang pernah dilakukan sebelumnya dengan kerjasama erat dan perkongsian data antara KKM, MKN dan Pusat Operasi Kerajaan Negeri Selangor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum mengenai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui penubuhan “Selangor Task Force COVID-19” (STFC), yang antara lain mempunyai objektif untuk membangunkan keupayaan kerajaan negeri dari segi penggunaan, “*Big Data Analytic*” serta “*Machine Learning*” (dengan izin) bagi memandu ke arah kegiatan pelaksanaan seperti saringan dalam komuniti dan pengesanan kontak agar ianya lebih terarah dan bersasar, terutamanya di dalam menangani kejadian pandemik COVID-19 di peringkat negeri Selangor.

2. KKM mengalu-alukan tindakan proaktif ini, selaras dengan komitmen Kementerian ini untuk memastikan tanggungjawab bagi mengawal kejadian pandemik COVID-19 dipikul secara bersama oleh pelbagai Kementerian mahupun agensi.

3. Tidak dinafikan, bagi memenuhi keperluan mendesak untuk menangani penularan COVID-19 secara berkesan, **KKM telah membuat penurunan kuasa untuk perkongsian data yang agak terperinci dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]** – khusus bagi aktiviti pemantauan ke atas individu yang dikenakan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian, di bawah seksyen 15(1) Akta tersebut. Namun begitu, **kebenaran khas ini dan data yang dikongsikan melalui peruntukan tersebut hanya boleh diguna pakai sepanjang tarikh kuatkuasa penurunan kuasa terbabit sahaja**. Ia mengambil kira bahawa rekod perubatan secara fizikalnya adalah hak milik pihak KKM manakala maklumat kandungannya adalah hak milik pesakit. Justeru, semua pihak yang terlibat dengan pengendalian dan penggunaan rekod perubatan pesakit adalah bertanggungjawab ke atas kerahsiaan dokumen berkenaan dan perlu mematuhi undang-undang, pekeliling serta arahan yang berkaitan.

4. Seterusnya, **data mentah (raw data) yang diperolehi dari aktiviti di lapangan, perlu melalui proses verifikasi bagi memastikan ketepatan serta kesahihan data yang dilaporkan.** Setiap pesakit yang dilaporkan akan diberikan nombor kes bagi membolehkan analisa data dan kerahsiaannya terjaga. Kesemua proses ini perlu dilaksanakan secara teliti dan tepat dalam tempoh masa yang singkat bagi membolehkan maklumat yang betul disampaikan kepada masyarakat dan ia juga membantu KKM serta jentera Kerajaan secara keseluruhannya untuk membuat keputusan penting bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

5. Disebabkan juga oleh beberapa insiden tidak diingini yang telah berlaku sebelum ini berhubung pengurusan data mentah (*raw data*), **KKM tidak dapat memenuhi permintaan sesetengah pihak untuk mendapatkan akses kepada data mentah COVID-19.** Ia bagi mengelakkan risiko tafsiran data yang bertentangan atau tidak seragam oleh pelbagai agensi yang terlibat, yang berkemungkinan menyebabkan masyarakat menjadi panik dan bercelaru akibat maklumat yang disampaikan.

6. Hakikatnya, penubuhan “Selangor *Task Force* COVID-19” (STFC) turut bertujuan untuk mendidik masyarakat supaya mempunyai kefahaman yang betul mengenai COVID-19. Melaluinya, adalah diharapkan masyarakat akan menjadi lebih bertanggungjawab, bagi memenuhi seruan untuk memainkan peranan masing-masing sebagai “petugas barisan hadapan” dan terus mengamalkan norma baharu dalam usaha membantu Kerajaan memerangi penularan COVID-19. KKM amat yakin melalui kerjasama strategik yang dijalinkan secara saling melengkapi (*complementary*) di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, ianya mampu untuk membawa Malaysia kepada suatu tahap yang membanggakan terutamanya dalam usaha untuk bersama-sama membendung wabak ini di Malaysia.

Sekian, terima kasih.